



23 FEB, 2026

Pelabur asing suntik RM1.4b dalam pasaran saham

Berita Harian, Malaysia



Pelabur asing suntik RM1.4b dalam pasaran saham

Aliran masuk dana luar negara lonjak indeks FBM KLCI disokong prospek ekonomi kukuh

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@nstp.com.my

Sentimen pasaran saham tempatan kini memaparkan pemulihan ketara apabila pelabur asing kembali memberi keyakinan dengan mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM1.4 bilion sejak tahun ini hingga setakat ini.

CIMB Securities, dalam satu nota strateginya, berkata perubahan aliran dana luar negara itu dilihat sebagai satu perkembangan yang sangat menggalakkan bagi pasaran kewangan negara.

Ini berikutan rekod suram pada 2025 yang mana kumpulan pelabur asing berkenaan telah merekodkan aliran keluar bersih yang agak besar iaitu sebanyak RM22.3 bilion.

"Hasil daripada sokongan modal luar itu, indeks FBM KLCI setakat ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.25 peratus.

"Lonjakan sebanyak 72 mata berkenaan telah membawa penanda aras pasaran tempatan kepada paras 1,752 mata, dengan dorongan utama diterajui oleh sektor perbankan dan penggu-
na," katanya.

Walaupun pelabur asing mula kembali membeli saham, CIMB Securities mendapati pelabur domestik sebenarnya mempamerkan pandangan yang lebih membina dan positif terhadap pasaran secara keseluruhannya.

Dana luar masih mengekalkan kedudukan wajaran kurang ekoran beberapa kebimbangan mengenai pencapaian perolehan korporat akibat bebanan kos operasi dan cukai yang tinggi.

Secara amnya, firma penyelidikan itu kekal positif terhadap prospek ekuiti Malaysia untuk sepanjang 2026. Berdasarkan asas ekonomi yang menggalakkan, CIMB Securities mengekalkan sasaran indeks KLCI pada paras 1,772 mata yang dinilai pada nisbah harga kepada perolehan pada 15.8 kali.

Keyakinan terhadap pasaran berkenaan turut dipacu oleh unjuran pengembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.4 peratus berserta potensi pengukuhan nilai ringgit.

Selain itu, persekitaran pasaran terus disokong oleh ramalan

pertumbuhan perolehan korporat yang sihat pada paras 6.4 peratus bagi 2026, menandakan tahun keempat berturut-turut ia mencatat pengembangan.

Kekukuhan ekuiti domestik turut mendapat suntikan momentum daripada laporan kewangan korporat yang cemerlang.

Musim pelaporan perolehan bagi suku keempat 2025 telah bermula dengan langkah yang mantap, mencatatkan nisbah melepasi jangkaan berbanding yang tersasar pada kadar 2.7 kali.

Dari sudut pemangkin pasaran, kemungkinan berlaku rali pra-Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) juga menjadi faktor penarik yang dijangka menguntungkan pasaran.

Catat pulangan positif

Data sejarah jelas menunjukkan KLCI berjaya mencatatkan pulangan positif dalam tempoh 12 bulan sebelum pilihan raya bagi tiga daripada empat pilihan raya yang lalu, seterusnya memberi kelebihan besar kepada saham bank, pengguna, dan perindustrian.

Prestasi permodalan negara juga dijangka melonjak dengan inisiatif peluasan program GE-AR-UP kepada 30 buah organisasi syarikat berkaitan kerajaan.

Program pemerkasaan korporat itu meletakkan sasaran

permodalan pasaran sebanyak RM100 bilion berserta sasaran pulangan kepada pemegang saham pada kadar 7.5 peratus.

Ruang pertumbuhan ini turut diperkukuhkan oleh perancangan reformasi institusi dan ekonomi yang digariskan dalam perutusan Tahun Baharu 2026 oleh Perdana Menteri.

Ekuiti tempatan juga berpotensi menerima lonjakan menerusi pengenalan program bagi meningkatkan nilai yang bertujuan menambah baik standard korporat serta memacu prestasi pasaran secara menyeluruh.

Mengulas mengenai pilihan sektor pelaburan yang selamat, CIMB Securities mengekalkan saranan wajaran tinggi ke atas sektor perbankan negara.

Firma itu mendapati tiada bantahan atau penolakan besar daripada pelabur mengenai prospek positif bagi sektor kewangan itu.

Sebagai pilihan utama pelaburan saham, firma pelaburan itu menyenaraikan beberapa nama besar termasuk RHB Bank yang menumpukan kepada potensi pemulihan kredit.

Turut menjadi keutamaan pelabur ialah syarikat SD Guthrie yang memiliki perladangan lestari luas berserta gergasi utiliti elektrik utama negara iaitu Tenaga Nasional.